

Media Title : Utusan Sarawak
Headline : Terus waspada, elak jadi mangsa penipuan
Date : 11 June 2024
Section : Semasa
Page : 11



Terus waspada, elak jadi mangsa penipuan

MIRI: Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan tidak mendedahkan atau memberikan sebarang butiran kewangan kepada mana-mana pemanggil yang tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Polis (ACP) Alexson Naga Chabu berkata orang ramai perlu berhati-hati dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga apabila berurusan melalui atas talian khususnya jika pemanggil mendakwa sebagai rakan, kenalan, pihak pengantaraan atau pihak penguatkuasa undang-undang mahupun pihak mahkamah.

"Buat semakan dan pengesahan awal kepada pihak terlibat jika perlu," katanya di sini.

Alexson berkata, orang ramai juga digalakkan untuk menghubungi National Scam Response Center (NSRC) di talian 997 jika mereka menjadi mangsa penipuan siber *phone scam*, *love scam*, e-dagang, pinjaman tidak wujud dan sebagainya sekiranya baru sahaja melakukan transaksi pindahan wang ke mana-mana akaun keldai atau sindiket penipuan.

"Orang ramai boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui aplikasi Check Scammer CCID atau melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum melakukan sebarang transaksi

kewangan.

"Layari laman Facebook Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police dan JSJK Sarawak bagi mendapatkan maklumat modus operandi terkini penipuan," ujarnya.

Menurut beliau, pihaknya telah menerima satu laporan polis pada 8 Jun lalu berkenaan kes tipu penyamaran atas talian.

Katanya, mangsa lelaki dalam kalangan usia 20-an yang merupakan seorang pengurus sebuah syarikat di Daerah Miri telah menerima panggilan telefon daripada orang tidak dikenali yang mendakwa dari Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) yang menawarkan tender projek untuk penyelenggaraan kereta kerajaan.

"Mangsa juga telah diperkenalkan oleh suspek untuk berurusan dengan pembekal barangan stesen jana kuasa mudah alih.

"Mangsa kemudian telah menyerahkan wang berjumlah RM74,000 dengan empat kali transaksi kepada akaun pihak ketiga yang diberikan suspek atas pembelian sembilan unit stesen janakuasa mudah alih," katanya.

Katanya, mangsa menyedari telah diperdaya selepas suspek tidak dapat dihubungi dan nombor telefon mangsa disekat.